



منتري فنراغن كومونيكاسي دان كبودايان مليسيا

MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
MINISTER OF INFORMATION COMMUNICATIONS AND CULTURE MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 1998
ARAHAN MENTERI MENGENAI PENYIARAN LAGU-LAGU BARU TEMPATAN
OLEH ARTIS MALAYSIA DI STESEN-STESEN RADIO TERESTRIAL AWAM
DAN SWASTA

ARAHAN MENTERI No. 3 TAHUN 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] Menteri mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya untuk melaksanakan perkara berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1 Arahan ini boleh dinamakan **Arahan Menteri Mengenai Penyiaran Lagu-lagu Baru Tempatan Oleh Artis Malaysia Di Stesen-stesen Radio Terestrial Awam dan Swasta** serta mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

2. Apa-apa terma yang digunakan dalam Arahan ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Akta atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Promosi lagu-lagu baru tempatan dan artis Malaysia di stesen-stesen radio awam dan swasta


3. Bagi tujuan mempromosikan industri muzik tempatan yang termasuklah pertumbuhan serta penyebaran muzik tempatan dan meningkatkan nilai pasaran penyanyi Malaysia, adalah menjadi satu keperluan untuk memastikan agar setiap album baru yang diedarkan atau album "single" yang dihasilkan oleh artis Malaysia, menerima peruntukan waktu siaran yang mencukupi daripada stesen-stesen radio terestrial awam dan swasta.

4. Semua pemegang lesen penyedia perkhidmatan aplikasi kandungan individu yang menyediakan perkhidmatan penyiaran radio terestrial dikehendaki menyokong industri muzik tempatan dengan menyiarkan lagu-lagu tempatan daripada sama ada album-album yang baru diedarkan atau album "single" oleh artis Malaysia, mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam Garis Panduan Dasar Wajib Siar Lagu-lagu Baru Tempatan Di Stesen Radio Awam dan Swasta.

5. Suruhanjaya mengambil semua langkah yang perlu bagi melaksanakan perenggan 3 dan 4 di atas.

[KPKK:SKom.KM(S)600-1/2 (3)]

Tarikh: 9 Jun 2010



Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim
Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan